



International Journal of Heritage, Art and  
Multimedia (IJHAM)

Journal Website: <http://ijham.com/>  
eISSN: 2600-8262



## IMEJAN ZOOMORPHIC DALAM LUKISAN GUA PRASEJARAH, GUA KAIN HITAM (PAINTED CAVE) NIAH, SARAWAK

### ZOOMORPHIC IMAGES IN PREHISTORIC CAVE PAINTING OF KAIN HITAM CAVE (PAINTED CAVE) NIAH, SARAWAK

Junior Kimwah<sup>1\*</sup>, Ismail Ibrahim<sup>2</sup>, Baharudin Mohd Arus<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.  
Email: juniorkimwah@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.  
Email: ismailbinibrahim@yahoo.com

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Utara Sabah, Malaysia.  
Email: arusbaha@yahoo.com

\* Corresponding Author

#### Article Info:

#### Article history:

Received date: 17.02.2020

Revised date: 02.03.2020

Accepted date: 05.03.2020

Published date: 10.03.2020

#### To cite this document:

Kimwah, J., Ibrahim, I., & Arus, B. M. (2020). Imejan *Zoomorphic* dalam Lukisan Gua Prasejarah, Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah, Sarawak. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 3 (8), 12-19.

DOI: 10.35631/IJHAM.38002.

#### Abstrak:

Artikel ini membahaskan imej-imej *zoomorphic* atau imej haiwan yang telah dihasilkan pada dinding gua prasejarah. Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang terletak di dalam kompleks Gua Niah merupakan sebuah gua yang dipercayai pernah dihuni oleh masyarakat zaman Neolitik. Di dalam gua ini telah dijumpai pelbagai artifak termasuklah keranda berbentuk perahu, perhiasan yang diperbuat daripada kerang, tulang dan seramik. Di dalam gua ini juga terdapat sebuah lukisan gua yang dihasilkan pada dinding menggunakan bahan hematit yang dicampur dengan bahan campuran tumbuhan. Fokus utama artikel ini adalah untuk merekodkan semua imej-imej haiwan yang terdapat di dalam dinding gua tersebut. Penyelidikan ini juga berusaha untuk mendokumentasikan imej secara digital. Penyelidik menghasilkan imej semula menggunakan perisian digital Adobe Photoshop. Hasil penyelidikan ini dapat mengumpulkan sebuah koleksi imej yang lebih tersusun dan terperinci.

**Kata Kunci:** Painted Cave, *Zoomorphic*, dan Lukisan Gua

#### Abstract:

This article debates the zoomorphic images or images of animals that have been produced on prehistoric cave walls. Kain Hitam Cave or known as Painted Cave, located within the Niah Cave complex, is a cave that believed have been inhabited by Neolithic peoples. Inside the cave, there were a variety of artefacts including boat-shaped coffins, jewellery made of shells, bones, and ceramics. Inside the cave, there is also a cave painting that is produced on the wall using hematite material mixed with a mixture of plant material. The main focus of this article is to record all the animal images found inside the cave wall. This

research also attempted to document images digitally. The researchers produced a re-image using Adobe Photoshop's digital software. The results of this research are to collect a more organized and detailed collection of images.

**Keywords:** Painted Cave, Zoomorphic, and Cave Painting

## Pengenalan

Gua Niah terletak di daerah Miri di Sarawak, sebahagian dari Taman Negara Niah di Sarawak. Formasi gua yang besar terletak dalam formasi blok kapur yang besar, sekitar satu kilometer panjang, berorientasikan arah utara-selatan dan sekitar setengah kilometer lebar. Gua ini mempunyai tapak-tapak prasejarah penting di mana tinggalan tengkorak manusia yang berusia 40,000 tahun telah ditemui. Tapak ini adalah penempatan tertua manusia tercatat di Malaysia Timur.

*Painted Cave* atau Gua Kain Hitam, terletak kira-kira 500 meter dari Gua Niah blok hujung timur selatan, mempunyai lukisan gua prasejarah yang dipercayai berusia lebih daripada 3000 tahun yang dihasilkan menggunakan bahan hematit. Penyelidikan pertama dilakukan oleh Tom Harrisson pada tahun 1950. Beliau melaporkan aktiviti lengkap pengebumian manusia terlipat dan duduk yang ditemui di gua ini sejak 20,000BP (Harrisson, T. 1960: 134-136).

Lukisan prasejarah merupakan suatu fenomena penting dalam dunia seni lukisan moden pada hari ini. Penggiat seni adalah digalakkan untuk memahami sejarah seni dan perkembangannya kerana isu kesedaran terhadap pensejarahan seni yang akan menentukan arah masa depan seni catan moden di Malaysia. Keadaan lukisan gua ini semakin pudar ekoran faktor fizikalnyayang rapuh. Oleh itu, imej-imej berhaga ini perlu direkodkan sebagai bukti tatapan generasi masa depan. Dengan adanya kelebihan teknologi kini, imej-imej pudar ini boleh dikenal pasti dan dilukis semula dengan menggunakan perisian teknologi.

Keindahan lukisan prasejarah jelas memperlihatkan kewujudan unsur budaya serta tahap intelektualisme masyarakat primitif pada zaman silam. Keunikannya bukan sekadar terletak pada nilai estetika dan kehalusan imejan tetapi pada falsafah yang tersirat di sebaliknya. Lukisan zaman ini adalah bukti jelas bahawa manusia pada ketika itu sudah mulai hidup bertamadun dan bersosial. Perkara ini jelas didokumentasikan daam lukisan yang dihasilkan. Lantas, lukisan zaman Neolitik adalah satu bukti kukuh gambaran yang wujud 35,000 tahun Sebelum Masihi. Objektif penulisan ini adalah untuk merekodkan semua imej-imej haiwan yang terdapat di dalam dinding gua tersebut. Objektif kedua ialah berusaha untuk mendokumentasikan imej lukisan haiwan secara digital. Objektif ketiga ialah menghasilkan imej semula imej secara digital menggunakan perisian digital Adobe Photoshop.

## Kajian Literatur

Terdapat deposit sisa cengkerang hidupan laut ditemui di dalam Gua Niah, Lobang Tulang dan Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang diketuai oleh Barbara Harrisson yang mengulas bahawa, sisa cengkerang merupakan satu-satunya bahan bukti kasual yang tiada kaitan dengan upacara penguburan (Harrisson, B. 1964: 60-171). Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat bahawa sisa cengkerang boleh dikaitkan dengan aktiviti pengebumian. Dapatan ini diperkukuh oleh penemuan cengkerang dan siput yang digunakan oleh masyarakat prasejarah sebagai perhiasan. Ballard, C. et al, (2004) juga mencatatkan hubungan antara cengkerang dan siput digunakan dalam upacara pengebumian di tapak Tabon Gua Palawan, di utara Borneo di Filipina barat daya.

*Artefacts produced for shell are less common than those for bone in the Kain Hitam assemblage, but nevertheless show a range of forms and raw materials. There are 24 shell artefacts, including a perforated Conus sp. spire, two-disc beads hewn from Melo sp. shell, two Cypraea annulus shells with the dorsum removed, one Nassarius pullus with the dorsum removed and ground, and two Oliva sp. shells with worn holes at the apex. A collection of three Anadara granosa and 11 Polymesoda erosa valves has hewn holes at the umbo, and technological analysis supports an interpretation of them as shell sinkers from casting nets (Szabó and Yang In preparation). The final 'artefact' is an unmodified Vexillum cf. citrinus which, as an occupant of clean coral sand, is clearly an import from some distance away (Szabó et al, 2008:153).*

Beberapa imej haiwan yang boleh dikenal pasti termasuk imej buaya, siput, kura-kura, mamalia berkaki empat, dan figura dengan ciri-ciri burung dan manusia. Perlambangan ini boleh dikatakan bahawa beberapa figura manusia memakai hiasan kepala dan pakaian, namun perlambangan umum kepada figura tersebut berselindung dalam kekaburan sifat manusia atau fizikal haiwan. Seperti yang telah dibuktikan oleh Harrisson, T. (1958), ciri-ciri yang dikenali dari hasil taburan bahan artifak dan peninggalan prasejarah di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) jelas berkaitan rapat dengan simbolisme kematian, dan mempunyai hubung kait dengan lukisan gua yang telah dihasilkan.

*Further observations of techniques associated with bone-ornament production will be presented elsewhere. Holes drilled through the teeth of cluded leopard, civet cat and dog, as well as those seen in the bead spacers, are absolutely straight, with no evidence of bevelling or countersinking. Such perforation morphology is generally indicative of the use of metal-tipped drills. Also worthy of note are four shark vertebrae, one of which has a large, worn, central perforation and an abraded perimeter (Szabó et al, 2008:152-153).*

Secara keseluruhannya, penyelidikan lepas telah mendokumenkan lukisan gua di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), tetapi kurangnya penyelidikan yang terperinci mengenai aspek ikon dan estetika terhadap lukisan gua tersebut. Oleh itu, penyelidikan ini membincangkan aspek ikon dan estetika dalam bidang seni visual dan mengupas setiap motif yang dihasilkan. Seterusnya, penyelidik juga mencadangkan aspek konservasi iaitu pemuliharaan motif ini dalam hasil seni visual. Jelasnya di sini, penyelidikan perlu dijalankan secara berterusan dengan penggunaan teknik atau kaedah yang lebih baik yang dapat menghasilkan dapatan yang lebih objektif dan jitu.

### **Imej Zoomorphic dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)**

Ciri-ciri yang telah dikenal pasti pada imej menentukan kategori imej *zoomorphic* yang dihasilkan. Sifat-sifat fizikal yang terdapat pada objek sebenar dibandingkan dengan imej *zoomorphic* tersebut. Berikut adalah perbincangan analisis kepada penggunaan ikon dalam imej *zoomorphic*. Daripada keseluruhan dinding gua ini, penyelidik telah mengenal pasti sekitar 10 imej adalah imej haiwan. Ciri-ciri fizikal yang ketara seperti haiwan berkaki empat, anggota anatomi seperti tanduk kepala dan juga bulu pelepah ayam adalah ikon utama yang dikenal pasti. Berikut adalah imej haiwan yang disenaraikan sebagai imej burung.

Foto 1(i) menunjukkan bersebelahan imej ular dan monyet kecil ini adalah sebuah imej haiwan dengan dua kaki. Ciri-ciri yang jelas adalah bulu pelepah pada hagian ekor dan kepala berparuh, jelas menunjukkan haiwan tersebut adalah sejenis burung. Dalam Foto 1(ii) terdiri daripada beberapa imej seperti imej kompleks dengan garisan berduri dan juga imej yang sukar

untuk dikenal pasti. Dalam Foto 1(ii) ini jelas menunjukkan ciri-ciri imej ayam dengan bentuk ekor dan kepala yang berparuh.



**Foto 1: Imej Zoomorphic Burung**

Imej *zoomorphic* dikenal pasti melalui ciri-ciri fizikal yang terdapat ada imej. Sebagai contoh, bentuk tangan dan kaki yang menyerupai haiwan adalah kunci kepada perlambangan yang digunakan oleh pelukis prasejarah. Oleh itu, imej berikut adalah representasi kepada haiwan yang wujud pada zaman Neolitik lagi.

Setelah selesai penyelidikan pada tahun 2001, kumpulan penyelidik diketuai oleh Graeme Barker (2016) seterusnya menyambung kembali penyelidikan pada 8 April 2002. Penyelidikan ketiga menguatkan lagi bukti kedatangan masyarakat prasejarah ke Lobang Kuala (*West Mouth*) sebelum 43, 000 S.M. Ia juga membawa kepada peningkatan bukti wujudnya sistem penternakan sejak adanya masyarakat moden di Borneo. Di antara objektif penyelidikan itu ialah untuk mengumpul informasi berkaitan pendudukan Pleistocene, mengumpul material yang diperlukan untuk pengebumian, dan untuk mengetahui aktiviti penternakan dan pertanian. Mereka turut menemui banyak tulang haiwan di sekitar Kompleks Gua Niah.




**Foto 2: Lukisan dalam Pecahan Imej daripada Babirusa (*Babirousa sp.*) dan Stensil Tangan dari Salah Satu Gua di Sulawesi, Indonesia**

Sumber: <https://www.smithsonianmag.com/science-nature/rockart-ages-indonesian-cave-paintings-are-40000-years-old-180952970/>

*In a cave named Lubang Jeriji Saléh, a trio of round cow-like creatures is sketched on the wall, with the largest standing more than seven feet across. The new dating analysis suggests*

that these images are at least 40,000 years old, earning them the title of the earliest figurative cave paintings yet found. The work edges out the previous title-holder—a portly babirusa, or “pig deer,” in Sulawesi, Indonesia—by just a few thousand years.



**Foto 3: Imej Zoomorphic Burung**

Ketiga-tiga imej di atas merupakan imej ayam dengan kepala berparuh dan jambul pada bahagian atas kepala ayam dan gelambir di bawah paruh. Dua daripada imej ini mempunyai dua kaki dengan jari kaki besar. Bentuk bulu ekornya yang jelas menunjukkan ayam imej tersebut adalah ayam jantan. Ikon yang digunakan oleh pelukis prasejarah dalam imej di atas adalah, paruh ayam, jambul, kaki dan jari kaki serta bulu pelepah yang dihasilkan dengan jelas sekali. Haiwan seperti ayam mudah didapati di sekitar kepulauan Borneo. Imej ayam yang dihasilkan ini dipercayai adalah ayam hutan yang mendiami di sekitar hutan Gua Kain Hitam. Ayam ini diburu untuk kegunaan sumber protein dalam kehidupan harian masyarakat prasejarah. Masyarakat prasejarah yang mendiami gua sekitar Kompleks Gua Niah telah mula beradaptasi dan berburu untuk mencari makanan mereka. Aktiviti kelangsungan hidup ini bukti kepada perkembangan intelektual masyarakat ketika itu.


Piktograf dalam lukisan prasejarah ini turut menggambarkan imej labi-labi, ular dalam posisi bulatan dan seekor buaya. Imej ini diambil daripada keseluruhan dinding lukisan gua. Imej ini menggambarkan mitos yang tersebar merentas generasi melalui mulut ke mulut, dengan imejan yang kekal bertujuan memelihara makna agar tidak hilang dalam sejarah. Sanim Ahmad (2006) menjelaskan, ‘Imej terdahulu sebenarnya menunjukkan komposisi kompleks yang mencirikan seni prasejarah dalam bentuk visual.

Ular dengan patukan berbisa yang menyakitkan nampaknya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat prasejarah. Di dalam lukisan gua ini, imej ular dalam posisi bulatan telah dinal pasti di beberapa panel dinding gua. Imej buaya ini dilukis tanpa teliti tetapi masih menampilkan ciri-ciri buaya dengan mulut yang runcing dan ekor yang panjang. Piktograf yang dihasilkan menunjukkan bahawa imej haiwan prasejarah mengalami transformasi dengan kepala, badan, dan ekor. Transformasi ini telah digambarkan dalam seni lukis prasejarah.

Penyelidik mendapati bahawa interpretasi lukisan gua ini agak terbuka dan imej digambarkan sebagai sebahagian daripada "perubahan landskap yang teratur," dengan pencipta imej telah memusatkan konseptual alam semesta mereka ke dunia semula jadi di mana mereka hidup. Hal ini berlaku dalam tiga peringkat, dengan bahagian atas (*celestial in nature*), tengah (tumbuh-tumbuhan dan haiwan) dan lebih rendah (kegelapan, kematian dan bahaya) iaitu sebuah dunia akhirat yang sepadan dengan konsep kehidupan di rantau ini.

Kini, kebanyakan orang hanya berfikir terhadap kecanggihan teknologi moden. Mereka jarang mengimbas kembali kepada sejarah dunia, bagaimana tamadun pertama muncul, apa yang terjadi pada zaman purba, bagaimana orang purba tinggal, cara mencari makanan dan sebagainya. Pada masa dahulu, sebelum manusia menggunakan sistem tulisan seperti sekarang, mereka menggunakan beberapa rekod atau beberapa lakaran pada dinding, terutama di dalam gua yang dalam (Bellwood, P., 1997). Beberapa ahli arkeologi telah menemui banyak lukisan gua, terutamanya di benua Eropah. Lukisan gua memiliki sejarah yang berbeza, makna, kaedah untuk menghasilkan lukisan-lukisan gua tersebut untuk memburu lebih banyak haiwan bagi mendapatkan makanan dengan mudah.

Begitu juga dengan masyarakat purba yang percaya bahawa dengan menghasilkan lukisan haiwan pada dinding gua, mereka akan menjadikan semangat haiwan tersebut datang kepada mereka dan membawa nasib baik kepada mereka. Sesetengah masyarakat pula percaya bahawa lukisan gua bertujuan menghantar mesej kepada orang lain yang melalui atau tinggal di dalam gua pada masa hadapan (Lape, P., et al, 2007).



**Foto 4: Sebahagian daripada Panel Lukisan Kuda di Gua Chauvet, Perancis. Karya Seni ini Berumur Kira-kira 36,000 Tahun. Pada Bulan Jun 2014 UNESCO Mengundi untuk Meletakkan Gua Chauvet sebagai Tapak Warisan Dunia**

Sumber: <https://www.nationalgeographic.com/photography/proof/2015/01/05/shooting-chauvet-photographing-the-worlds-oldest-cave-art/>

Lukisan gua juga disebut *cave art*, atau *rock art* (Achmad Sopandi Hasan, 2003). Orang yang melihat lukisan gua, terutamanya ahli arkeologi, boleh menjelaskan cara masyarakat purba hidup, beberapa peristiwa dalam tempoh masa zaman Paleolitik kerana kebanyakan lukisan gua telah wujud dalam tempoh itu. Lukisan gua dianggap sebagai cara yang paling penting untuk menunjukkan interaksi antara masyarakat purba dan dunia (Ballard, C., et al, 2004).

### **Kesimpulan**

Lukisan gua daripada arang merupakan lukisan gua yang paling banyak ditemui di Malaysia. Imej yang digambarkan adalah pelbagai, ada yang berbentuk sangat abstrak sehingga sukar

untuk diterjemahkan; ada yang berbentuk geometri, bentuk figura manusia dan haiwan pemburuan serta bentuk yang lebih kontemporari seperti kereta, basikal dan orang yang menunggang kuda. Melalui lukisan gua ini juga kita mengetahui aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat prasejarah iaitu aktiviti pemburuan dan aktiviti yang masih dilakukan oleh masyarakat Orang Asli sehingga hari ini.

Setiap bangsa dan masyarakat di seluruh dunia mempunyai budaya lukisan gua purba tersendiri yang boleh menjadi tatapan generasi kini. Ia mencerminkan ekspresi kreatif sesebuah masyarakat purba. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti manusia pada zaman dahulu berlaku secara universal dalam bentuk visual. Penciptaan lukisan gua juga selari dengan sejarah perkembangan kebudayaan manusia dan pengetahuan kita berhubung kebudayaan masyarakat prasejarah.

Secara keseluruhannya, penyelidikan lepas telah mendokumenkan lukisan gua di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), tetapi kurangnya penyelidikan yang terperinci mengenai aspek ikon dan estetika terhadap lukisan gua tersebut. Oleh itu, penyelidikan ini membincangkan aspek ikon dan estetika dalam bidang seni visual dan mengupas setiap motif yang dihasilkan. Seterusnya, penyelidik juga mencadangkan aspek konservasi iaitu pemuliharaan motif ini dalam hasil seni visual. Jelasnya di sini, penyelidikan perlu dijalankan secara berterusan dengan penggunaan teknik atau kaedah yang lebih baik yang dapat menghasilkan dapatan yang lebih objektif dan jitu.

### **Penghargaan**

Penulis dengan sukacitanya mengakui bantuan dana daripada pihak Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), Universiti Malaysia Sabah dalam memberikan skim geran penyelidikan UMSGreat (Projek Nombor: GUG0216-1/2018) dan tajaan Yayasan Basiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) daripada Yayasan Negeri Sarawak untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah (YBSTAR) (No. Rujukan: (6)/TAR-S/2232). Penulis juga mengucapkan ribuan berterima kasih kepada Unit Perancangan Negeri (SPU), Jabatan Ketua Menteri (Rujukan: (40)JKM/SPU/608-8/2/1 VOL.2) kerana telah memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Sarawak. Setinggi penghargaan kepada Encik Mohd. Sherman bin Sauffi, selaku Pengarah Seksyen Arkeologi, Jabatan Muzium Sarawak di atas seliaan dan bimbingan beliau sepanjang melaksanakan penyelidikan di tapak kajian serta penghargaan kepada semua anggota kakitangan Muzium Sarawak kerana telah memberikan kerjasama yang baik dengan membekalkan maklumat daripada koleksi arkib yang digunakan dalam penyelidikan ini.

### **Rujukan**

- Achmad Sopandi Hasan. (2003). *Lukisan Gua di Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Ballard, C., R. Bradley, L. Nordenborg M. and M. Wilson. (2004). The ship as symbol in the prehistory of Scandinavia and Southeast Asia. *World Archaeology* (35): 385-403.
- Bellwood, P. (1997). *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*, Revised edition. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Darren Curnoe, Ipoi Datan, Jian-xin Zhao, Charles Leh Moi Ung, Maxime Aubert, Mohammed S.Sauffi, Goh Hsiao Mei, Raynold Mendoza, Paul S. C. Tacon (2018). Rare Late Pleistocene-early Holocene human mandibles from the Niah Caves (Sarawak, Borneo). *PLoS ONE* 13(6): e0196633.
- Harrisson, Barbara. (1964). Archeology Borneo: Recent Archeological Discoveries in Malaysia 1962-1963. Borneo. *JMBRAS Volume* (XXXVII), Part 2. November 1964.

- Harrisson, Tom. (1960). Stone Age Ships of Death: World's Oldest Boat Coffins found in Sarawak caverns reveal ancient culture. *Life*, January 11 1960, page 49-51.
- Harrisson, Tom. (1958). The Great Cave Sarawak: A Ship-Of-The-Dead Cult and Related Rock Paintings, *The Archaeological Newsletter*. (6):199-204.
- Lape, P., S. O'Connor and N. Burningham (2007). Rock Art: A Potential Source of Information about Past Maritime Technology in South-East-Asia-Pacific Region. *International Journal of National Archaeology* (36):238-253.
- Noel Hidalgo Tan. (2014). *Rock Art Research in Southeast Asia: A Synthesis*. Archaeology and Natural History, School of Culture, History and Language, College of Asia and the Pacific, The Australian National University, Canberra, ACT 0200, Australia.
- Sanim Ahmad. (2006). Lukisan Primitif Gua Batu Kapur Malaysia II. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Edisi 19. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Graeme Barker, D. Gilbertson and T. Reynolds (eds),(2016). *The Archeology of the Niah Caves, Sarawak: Excavations 1954-2004*. Vol.2. Cambridge: McDonald Institute for Archaeological Research.
- Szabó, K., Piper P. J., Barker, G. (2008). Sailing between worlds: The symbolism of death in northwest Borneo. *Terra Australis* (29); page 149-170.
- Whitley, David S., (2008). *Cave Paintings and the Human Spirit: The Origin of Creativity and Belief*. Prometheus Books Publisher.
- Zuliskandar bin Ramli & Sanim Ahmad. (2015). Penemuan Lukisan Gua di Malaysia. *Bhakti Pendeta*. Persatuan Muzium Malaysia.
- Zuraina Majid. (1982). The West Mouth in the Prehistory of Southeast Asia. *Special Monograph 3*. Sarawak Museum Journal.